



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14/2023**

**HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN BAGI SELURUH NEGERI KELANTAN  
SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2023/ 1444 HIJRAH**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berhubung **Hari Kelepasan Am Tambahan bagi seluruh Negeri Kelantan pada 25 April 2023 (Selasa)** bersamaan 4 Syawal 1444H berdasarkan pengumuman Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja pada malam 20 April 2023 (Khamis); bahawa Hari Raya Aidilfitri Tahun 2023/ 1444 Hijrah adalah pada 22 April 2023 (Sabtu) seperti jadual di bawah:

Bil.	Tarikh	Catatan
1.	22 April 2023 (Sabtu)	Hari Raya Aidilfitri
2.	23 April 2023 (Ahad)	Hari Raya Aidilfitri (Hari Kedua)
3.	24 April 2023 (Isnin)	Cuti Ganti Hari Raya Aidilfitri
4.	<b>25 April 2023 (Selasa)</b>	<b>Hari Kelepasan Am Tambahan</b>

2. Pelaksanaan Hari Kelepasan Am Tambahan bagi seluruh Negeri Kelantan ini adalah selaras dengan Kenyataan Media YAB Menteri Besar Kelantan dan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bil. 1 Tahun 2023 bertarikh 20 April 2023.
3. Sehubungan itu, semua staf adalah dimohon untuk mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)**

Pendaftar

20 APRIL 2023

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab